



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**MASALAH PENYALAHGUNAAN DADAH  
DI BANDARAYA KUCHING**

**AMERAN HAJI AU**

**JULAIHI @ LEY BIN TOL**

**MEI 1996**

(i)

## **PENGHARGAAN**

**Kami berterima kasih kepada Encik Nasruddin b. Mohammed Ketua Kursus Diploma Pentadbiran Awam, ITM Sarawak yang mana telah memberi dorongan, sokongan dan penyeliaan yang rapi di dalam menjaya dan menyediakan kertas projek ini.**

**Terima kasih dan penghargaan kepada Cawangan Anti Dadah, Polis DiRaja Malaysia, Ibu Pejabat Polis Bahagian, Jalan Simpang Tiga, Kuching dan Jalan Badruddin Kuching, Sarawak di atas sumbangan artikel yang berguna di dalam penyediaan kertas projek ini.**

**Begitu juga kami ucapkan ribuan terima kasih kepada Encik Yusuf bin Hj. Amir, Setiausaha Eksekutif Pemadam yang mana turut juga membantu dan menyediakan bahan-bahan rujukan, nasihat dan bantuan lain yang sangat berguna di dalam penyediaan kertas kerja ini.**

**AMERAN HAJI ALI**

**JULAIHI @ LEY BIN TOL**

J0000000531



PROJEK PELAJAR

K. B. R.

## KANDUNGAN

*Muka Surat*

1. Penghargaan	i
2. Pengenalan	ii - iii
3. Masalah Dan Penyalahgunaan Dadah Di Bandaraya Kuching (Latarbelakang)	1 - 4
4. Persidangan Antarabangsa Tentang Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah di Vienna, Austria	5 - 7
5. Resolusi Persidangan Antarabangsa di Vienna	8 - 15
6. Fenomena Penyalahgunaan Dadah	16
7. Pengertian Dadah	17
8. Dadah Menurut Pandangan Islam	18 - 20
9. Jenis-Jenis Dadah	20 - 24
10. Inhalan	25 - 28
11. Implikasi Penyalahgunaan Dadah	29 - 31
12. Masalah Penyalahgunaan Dadah Di Bandaraya Kuching	32 - 42
13. Rampasan Dadah	43
14. Tangkapan Pesalah Dadah	44 - 45
15. Masalah Penagih Dadah	46 - 52
16. Penguatkuasa	55 - 58
17. Dasar Dan Strategi Kerjaan Malaysia Memerangi Wabak Dadah	59

## **PENGENALAN**

Masalah dadah merupakan musuh utama yang mengancam negara kita suatu ketika dulu. Penyalahgunaan dadah telah berlaku begitu cepat sekali terutama dipusat-pusat bandar di mana ia boleh menjejaskan keadaan ekonomi, sosial dan juga politik beberapa buah negara yang terlibat terutama negara-negara yang sedang membangun.

Negara kita Malaysia tidak terkecuali daripada masalah ini. Masalah ini menjadi bertambah runcing dan serius apabila kegunaan dadah yang merbahaya ini telah merebak pula kepada golongan muda dari semua kaum dinegara ini. Majoriti daripada yang menyalahgunakannya terdiri daripada golongan muda bangsa Melayu.

Fenomena ini berlaku disebabkan adanya pengaruh "*Hippie*" yang muncul di barat dalam tahun enam puluhan. Bertambahnya kedatangan pelacong dari luar negara termasuk tentera Amerika dari Vietnam yang membawa bersama-sama tabiat menagih dan membekalkan dadah, terutama jenis heroin secara besar-besaran dinegara jiran seperti akhir tahun 60an sehingga sekarang ini.

## **"MASALAH DAN PENYALAHGUNAAN DADAH DI BANDARAYA KUCHING"**

---

### **LATARBELAKANG**

Dadah bukanlah perkara baru dalam kehidupan manusia. Manusia telah menggunakan dadah sejak berabad-abad dahulu. Namun tarikh sebenar manusia mula menggunakan dadah dalam kehidupan amat sukar ditentukan. Dadah seperti ganja atau marijuana dipercayai telah digunakan oleh orang pada zaman dahulu sebagai "pencuci dosa". Daripada sumber sejarah China, dadah dianggap sebagai "sumber kegembiraan" dan digunakan dalam upacara-upacara tertentu. Dalam kepercayaan Hindu Tua pula dadah dianggap sebagai "pemandu ke syurga" dan "pelembut penderitaan batin".

Pada tahun 1925 berikutan Persidangan Geneva kerajaan Inggeris telah mengenakan sekatan terhadap penghisap candu. Kerajaan hanya menjual candu kepada penghisap candu yang berdaftar. Setelah persidangan kedua diadakan di Geneva sekatan selanjutnya telah dikenakan terhadap penghisap candu. Kerajaan Inggeris pada masa itu hanya akan menjual candu mereka yang memerlukannya atas nasihat pakar perubatan.